

LENSA FHPK

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan

Edisi Disember
2025



JAWATANKUASA PENGURUSAN UNIVERSITI

YBHG. DATO' PROF. IR. TS. DR. ARHAM BIN ABDULLAH
Naib Canselor

YBRS. PROF. DR. HUZILI BIN HUSSIN
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa

YBRS. PROF. DR. MOHAMMAD BIN ISMAIL
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

**YBRS. PROF. DR. WAN AHMAD AMIR ZAL BIN
WAN ISMAIL**
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi

YBRS. ENCIK KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM
Pendaftar

YBRS. ENCIK AHMAD IRWAN BIN BAHARUDDIN
Bendahari

YBRS. ENCIK HAIRULADZHAR BIN MOHD HAMD
Menjalankan Fungsi Ketua Pustakawan

YBRS. PUAN NORAINI BINTI IDRIS
Menjalankan Fungsi Penasihat Undang-undang

HAK CIPTA UMK 2025

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat keizinan daripada Pusat Komunikasi Korporat, Pejabat Naib Canselor, UMK.

Judul : LENA FHPK : Edisi Disember 2025

No. eISSN : 3083 - 9157

Diterbitkan Oleh :

Penerbitan Korporat UMK
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web
Pusat Komunikasi Korporat
Pejabat Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan
16300, Bachok
Kelantan Darul Naim

Tel : 09-7797015

Emel : bpk.pkk@umk.edu.my

website : corporate.umk.edu.my

SIDANG EDITORIAL LENA FHPK

PENASIHAT
PM. Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof
Dekan FHPK, UMK

KETUA EDITOR
Dr. Mohamad Pirdaus bin Yusof
Pensyarah Kanan, Jabatan Pelancongan

EDITOR
Dr. Ahmad Fahme bin Mohd Ali
Pensyarah Kanan, Jabatan Kesejahteraan

Dr. Pavitira Manogaran
Pensyarah Kanan, Jabatan Hospitaliti

En. Abdullah bin Muhamed Yusoff
Pensyarah, Jabatan Hospitaliti

Ts. Dr. Siti Salina binti Saidin
Pensyarah Kanan, Jabatan Pelancongan

Dr. Bibi Nabihah binti Abdul Hakim
Pensyarah Kanan, Jabatan Kesejahteraan

Dr. Norsyamlina binti Che Abdul Rahim
Pensyarah Kanan Jabatan Kesejahteraan

Dr. Norizan binti Musa
Pensyarah, Jabatan Pelancongan

En. Muhammad Firdaus bin Bidin
Pensyarah, Jabatan Hospitaliti

En. Mohammad Syakir bin Zainozaman
Pensyarah, Jabatan Hospitaliti

Puan Hazyati binti Hashim
Pensyarah, Jabatan Pelancongan





LENSA FHPK DISEMBER 2025

Isi Kandungan

- 1** Tinta dekan
- 2** Coretan ketua editor
- 3** Peneraju FHPK 2025
- 4** Warga gemilang FHPK
- 5** Aspirasi & legasi FHPK
- 12** Sorotan FHPK
- 32** Bicara profesor
- 33** Panorama ilmu
- 34** Tribut FHPK



scan me



Tinta DEKAN



PROF. MADYA DR. MOHD FADIL BIN MOHD YUSOF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam UMK4U 1 Hati 1 Jiwa.

Lensa FHPK Edisi ke-3 kali ini memaparkan pelbagai program, aktiviti dalam dan luar negara sepanjang Julai- Disember 2025 yang telah dilaksanakan oleh warga FHPK. Tahun 2025 akan melabuhkan tirai tidak lama lagi. Sepanjang tahun ini, FHPK terus cemerlang dengan penganjuran pelbagai program dan inisiatif bagi memperkasakan penawaran Program Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan baik diperingkat prasiswazah mahupun pascasiswazah. FHPK juga antara Fakulti yang paling kerap menganjurkan pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan komuniti, penglibatan usahawan dalam bidang berkaitan dan program penjana pendapatan.

Ini memberi impak langsung kepada pelajar, warga akademik dan juga staf pentadbiran dalam memastikan FHPK bergerak dengan lebih progresif dan dinamik. Antara program yang berjaya dilaksanakan adalah sesi perkongsian bersama wakil industri, lawatan industri dan peluang latihan industri.

Sementara menunggu ketibaan Tahun baru 2026, kita perlu berhenti sejenak dan merenung kembali apa yang FHPK berjaya laksanakan dan kemana halatuju FHPK seterusnya. Tahun 2025 adalah antara tempoh yang memberi cabaran kepada pengurusan dan ahli Fakulti. Cabaran yang dilalui memberi kekuatan dan kematangan kepada Fakulti dalam mengharungi sebarang rintangan yang mendatang. Walaupun menghadapi kekangan bajet yang terhad, FHPK berjaya melaksanakan program berimpak tinggi dengan gandingan pelajar dan warga FHPK yang terdiri dari ahli akademik dan staf sokongan yang lain. FHPK juga terus memperkasakan hubungan dengan industri dan juga agensi berkaitan seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), World Trade Center Kuala Lumpur (WTCKL), Persatuan Spa dan juga hotel-hotel terkenal dalam dan luar negara. Pada masa yang sama, FHPK juga berjaya memeterai MOU dengan RUDN University: Peoples' Friendship University of Russia yang terletak di Moscow dan juga mengadakan kerjasama dengan beberapa universiti di Indonesia dan juga Vietnam. Dengan adanya jaringan antarabangsa ini, FHPK berpeluang untuk meneroka program mobiliti pelajar dan pensyarah dan juga projek projek penyelidikan geran padanan dan seterusnya mencipta jenama di peringkat global.

Sesungguhnya, momentum kecemerlangan 2025 ini perlu dikekalkan dan seterusnya dipertingkatkan lagi untuk tahun 2026. FHPK tidak boleh berada dalam zon selesa. Sebaliknya, kita perlu sentiasa progresif dalam mendepani cabaran yang semakin kompetitif terutama dalam era digital dan perubahan model pendidikan tinggi. Pada tahun 2026 yang bakal menjelma tidak lama lagi, maka FHPK perlu lebih fokus dan berani melakukan perubahan terutama dalam penawaran program berkaitan yang berorientasikan keusahawanan dan permintaan industri. Saya mengharapkan agar FHPK terus maju dan melebarkan sayapnya terbang jauh ke peringkat antarabangsa dengan membawa banner UMK sebagai universiti keusahawanan.

Akhir kalam, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga FHPK diatas kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menjayakan aspirasi fakulti. Kepada sidang editorial Lensa FHPK Edisi ke-3, teruskan usaha dan kecemerlangan anda dalam memaparkan kandungan yang menarik dan bermakna untuk tatapan semua.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Coretan KETUA EDITOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Selamat datang ke LENSEA FHPK Edisi Disember 2025, sebuah platform dokumentasi rasmi yang merakam pencapaian, inisiatif serta pelaksanaan pelbagai program berimpak tinggi Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Penerbitan ini menjadi wadah penting dalam menzahirkan komitmen fakulti terhadap pembangunan akademik, keusahawanan dan kesejahteraan insan secara menyeluruh.



Sebagai Ketua Editor, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen dan kerjasama padu seluruh warga FHPK dalam menjayakan penerbitan ini. LENSEA FHPK bukan sekadar bahan bacaan, malah merupakan cerminan usaha kolektif fakulti dalam merealisasikan visi UMK sebagai universiti berteraskan keusahawanan dan pembangunan insan holistik, selari dengan moto “Keusahawanan Teras Kami” serta aspirasi kepimpinan universiti “1 Hati, 1 Jiwa.”

Edisi ini menghimpunkan pelbagai sorotan kejayaan yang menginspirasi merangkumi kecemerlangan akademik dan profesional para pensyarah, penglibatan aktif pelajar dalam program berimpak tinggi, inisiatif keusahawanan, inovasi penyelidikan serta pelaksanaan program komuniti yang menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat. Setiap kandungan dirangka dengan teliti bagi menyerlahkan dedikasi, kebersamaan dan visi warga FHPK dalam memperkukuh peranan fakulti sebagai pemacu pembangunan berasaskan ilmu dan nilai.

Selari dengan aspirasi Malaysia MADANI, FHPK terus komited memperkukuh nilai kesejahteraan, kemampanan, inovasi dan keusahawanan beretika melalui pelaksanaan program akademik, penyelidikan serta libat urus komuniti yang berimpak. Pendekatan ini mencerminkan usaha fakulti dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing, berjiwa ihsan dan memiliki keyakinan untuk menyumbang secara bermakna kepada masyarakat, negara dan pembangunan global.

Sebagai sebuah fakulti yang menjunjung tinggi nilai transformasi dan kecemerlangan berterusan, saya percaya setiap warga FHPK memainkan peranan signifikan dalam mengharumkan nama fakulti dan universiti di peringkat nasional dan antarabangsa. LENSEA FHPK hadir sebagai medium strategik untuk merakam perjalanan tersebut serta memperkukuh semangat kebersamaan dalam merealisasikan aspirasi UMK satu hati, satu jiwa.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penerbitan ini. Semoga LENSEA FHPK terus menjadi sumber inspirasi, wadah aspirasi dan pemangkin semangat untuk kita melangkah lebih jauh secara kolektif.

Selamat membaca dan ayah bersama melakar kecemerlangan.



DR. MOHAMAD PIRDAUS YUSOH
Ketua Editor LENSEA FHPK
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan
Universiti Malaysia Kelantan

PENGURUSAN TERTINGGI FHPK

**EN . MOHD
AKHMAL BIN
ABU BAKAR**
Timbalan
Pendaftar

**DR. AHMAD
FAHME MOHD ALI**
Timb. Dekan
PKPP

**PROF. MADYA
DR. MOHD FADIL
MOHD YUSOF**
Dekan FHPK

**DR. NOR SYUHADA
ZULKEFLI**
Timb. Dekan
Akademik

**DR. MOHD HAKAM
MOHD NAZIR**
Ketua Jabatan
Kesejahteraan

**DR. NORMAIZANA
BTE MAT NAWI**
Ketua Jabatan
Hospitaliti

**DR. AIKAL LIYANI
BINTI MOHD
RASDI**
Ketua Jabatan
Pelancongan





NADI AKADEMIK HOSPITALITI



NADI AKADEMIK PELANCONGAN




NADI AKADEMIK KESEJAHTERAAN



NADI PENTADBIRAN FHPK



PEMACU "LIVING LAB" FHPK





Congratulations

Seluruh warga Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal bin Wan Ismail atas pelantikan sebagai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UMK berkuat kuasa 21 Oktober 2025 - 20 Oktober 2027.

Buat kami di FHPK, pelantikan ini bukan sekadar berita gembira malah merupakan pengiktirafan besar terhadap rekod kepimpinan dan sumbangan YBhg. Prof. yang konsisten memperkukuh agenda universiti, khususnya dalam bidang penyelidikan berimpak, inovasi, pemetaan dan pembangunan komuniti serta pengurusan kemiskinan.

Seperti sedia maklum, Prof. Dr. Wan Ahmad Amir Zal turut dikenali sebagai tokoh yang aktif menggerakkan ekosistem ilmu melalui peranan kepimpinan terdahulu. Beliau memainkan peranan yang penting dalam menerajui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) UMK selama lebih lapan (8) tahun (2017–2025) dan beliau telah dianugerahkan “Aziz-Ul Haq Rural Development Medal” daripada Centre on Integrated Rural Development for Asia and the Pacific (CIRDAP) di atas pencapaian dan kecemerlangan sumbangannya.

Warga FHPK yakin, dengan pengalaman dan kepimpinan Prof., UMK akan terus melangkah lebih jauh dalam memperkasa penyelidikan dan inovasi yang lebih berimpak tinggi, lebih bermakna, dan lebih dekat dengan keperluan komuniti serta industri. Semoga YBrs. Prof. terus dikurniakan kesihatan yang baik, kekuatan dan kebijaksanaan untuk menggalas amanah besar ini.

**Lensa merakam detik bermakna,
Ilmu dan bakti terpancar nyata,
Tahniah dihulur penuh makna,
Kepimpinan unggul pemacu wibawa.**

Sekalung tahniah dan selamat menjalankan amanah Prof. Dr. Wan Ahmad Amir zal
Daripada Dekan dan seluruh warga FHPK, UMK

#UMK4u1hati1jiwa
#ilmuwanulungumk
#tncpiumk_connectingthedots



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) atas kejayaan menerima pengiktirafan sempena Sambutan Hari Akademia UMK 2025, termasuk pencapaian Tempat Kedua Anugerah Pengurusan Kualiti Akademik Fakulti Terbaik. Pengiktirafan ini mencerminkan komitmen berterusan warga fakulti dalam memperkukuh tadbir urus akademik, mengekalkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta memacu kecemerlangan akademik secara holistik.

Semoga pencapaian ini menjadi pemangkin kepada usaha penambahbaikan berterusan dan pengukuhan budaya kualiti di Universiti Malaysia Kelantan.



Sekalung Penghargaan & Terima Kasih

Seluruh warga FHPK merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Dr. Nurzehan Abu Bakar**. Terima kasih atas segala jasa bakti yang telah dicurahkan sejak 2017 hingga 2025.

Sifat beliau yang disenangi ramai, ceria, sentiasa positif dan bertanggungjawab menjadi inspirasi buat kami semua. Kami warga FHPK mendoakan agar Dr. Nurzehan terus cemerlang dan berjaya dalam setiap langkah di tempat yang baharu.

Selamat maju jaya, selamat berbakti di tempat baharu dan semoga setiap yang diusahakan diredhai Allah. Allahummaamin.

*Tuai padi antara masak,
Esok jangan layu-layuan,
Berpisah kita sekadar jarak,
Sentiasa dalam doa dan ingatan.*



Tahniah



Sekalung tahniah diucapkan kepada **Dr. Aikal Liyani binti Mohd Rasdi**, Pensyarah Kanan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan di atas pelantikan ke jawatan pentadbiran giliran, Ketua Jabatan Pelancongan berkuatkasa pada 1 Oktober 2025 sehinggalah 30 September 2026. Tahniah diucapkan!

Semoga pelantikan ini menjadi perangsang kepada beliau untuk meneraju Jabatan Pelancongan ke arah kecemerlangan dan seterusnya menabur bakti kepada UMK khususnya FHPK. Tahniah!



Tahniah

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada **Dr. Nor Amira Binti Mohd Razali** dan **Dr. Fadhilahanim Aryani Binti Abdullah** atas kejayaan menamatkan Ijazah Doktor Falsafah sempena Majlis Konvokesyen Ke-15 Universiti Malaysia Kelantan.

Semoga pencapaian ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan berterusan dalam bidang akademik, penyelidikan dan sumbangan profesional, serta memberi manfaat kepada universiti dan masyarakat secara keseluruhan.

Tahniah

Sekalung tahniah diucapkan kepada **Dr. Nur Farihin binti Abd Hadi Khan**, Pensyarah Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan di atas kejayaan menamatkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Hospitaliti.

Semoga kejayaan ini menjadi perangsang kepada beliau untuk terus cemerlang dan terus menabur bakti kepada UMK khususnya FHPK. Tahniah!



TAHNIAH DIUCAPKAN

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Pasukan Penyelidik FHPK yang diketuai oleh Ts. Dr. Siti Salina Saidin atas kejayaan memperoleh Skim Geran Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Tahun 2025 bagi kategori Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) berjumlah RM138,816.00

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak pencapaian cemerlang dalam bidang penyelidikan serta terus mengharumkan nama FHPK dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di persada akademik.



TAHNIAH & SyABAS

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada Pasukan Penyelidik FHPK yang diketuai oleh **Dr. Nor Dalila binti Marican** atas kejayaan memperoleh Skim Geran Penyelidikan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) Tahun 2025 bagi kategori Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) berjumlah RM110,000.00.

Semoga kejayaan ini terus menyemarakkan semangat penyelidikan dan inovasi di kalangan warga FHPK serta menjadi inspirasi untuk menghasilkan lebih banyak penemuan berimpak tinggi bagi manfaat masyarakat dan industri.



Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) mengucapkan tahniah kepada **Dr. Bibi Nabihah binti Abdul Hakim** atas kejayaan memperoleh Geran Universiti Penyelidikan (GUP) Universiti Kebangsaan Malaysia bernilai RM60,000.00 yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Hanis Mastura Yahya dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kejayaan ini membuktikan komitmen kukuh dan kolaborasi strategik antara institusi dalam memperkasa agenda penyelidikan. Semoga kerjasama antara universiti terus diperkukuh dan menyemarakkan budaya penyelidikan dalam kalangan warga FHPK.

Moga pencapaian ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak penemuan berimpak tinggi untuk manfaat masyarakat dan industri.

Pihak Pengurusan FHPK mengucapkan syabas dan tahniah kepada para penyelidik FHPK atas kejayaan cemerlang dalam memperoleh Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial tahun 2025 iaitu:

- PM Dr. Roslizawati Che Aziz
- Dr. Siti Fatimah Ab Ghaffar
- Dr. Suriani Samsudin
- Dr. Norizan Musa
- Cik Lee Wan Zhen

Kejayaan ini amatlah membanggakan seluruh warga fakulti dan semoga ia akan mencetus lebih banyak lagi kejayaan dan kecemerlangan lain. Selamat maju jaya dan semoga dikurniakan ilham dan ihsan dalam menguruskan geran yang diperolehi ini. InshaAllah.



ASPIRASI & LEGASI FHPK

Tahniah

*Pergi ke taman memetik melati,
Singgah sebentar di tepi telaga;
Jasa dan bakti sentiasa dihargai,
Kecemerlangan kalian diraikan bersama.*

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2024 atas dedikasi, komitmen dan keikhlasan dalam melaksanakan amanah.

Pengiktirafan ini mencerminkan sumbangan berterusan yang menjadi tunjang kepada kelancaran pengurusan, pengajaran dan sokongan akademik fakulti.

Semoga pencapaian ini terus menyuntik semangat untuk melangkah lebih jauh bersama FHPK dan Universiti Malaysia Kelantan.



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada **En. Mohamad Luqman Nul Hakim bin Che Ali** dan **Dr. Nik Alif Amri bin Nik Hashim** atas kejayaan menerima Anugerah Top 10 Prestasi Cemerlang LNPT 2024.

Pengiktirafan ini mencerminkan prestasi kerja yang konsisten, komitmen tinggi serta sumbangan berimpak dalam melaksanakan amanah dan tanggungjawab masing-masing.

Semoga pencapaian ini terus menjadi pemangkin kecemerlangan dan inspirasi kepada seluruh warga Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan serta Universiti Malaysia Kelantan.

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada **Dr. Nor Maizana Bte Mat Nawi** atas penganugerahan Anugerah Jasa Bakti – 20 Tahun dalam Perkhidmatan Awam.

Pengiktirafan ini mencerminkan dedikasi, kesetiaan dan sumbangan berterusan dalam melaksanakan amanah dengan penuh profesionalisme dan integriti.

Semoga jasa dan bakti yang dicurahkan terus menjadi inspirasi serta meninggalkan legasi bermakna kepada fakulti dan Universiti Malaysia Kelantan.

**Berkhidmat ikhlas sepanjang masa,
Jasa dikenang tidak terbilang;
Dua dekad bakti penuh bermakna,
Terima kasih atas pengorbanan gemilang.**



Tahniah



Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada **Dr. Adeneye Yusuf Babatunde**, CPA atas pengiktirafan sebagai Certified Public Accountant (CPA) yang dianugerahkan oleh CPA Australia.

Pencapaian ini mencerminkan tahap profesionalisme, keilmuan dan komitmen berterusan dalam bidang kepakaran yang diceburi.

Semoga pengiktirafan ini menjadi pemangkin kepada sumbangan akademik dan profesional yang lebih bermakna serta memperkukuh kecemerlangan Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan serta Universiti Malaysia Kelantan.

TAHNAH

Dr. Ahmad Faezi Bin Ab. Rashid telah dianugerahkan NSM Postgraduate Thesis Prize 2025 (PhD Thesis) oleh Nutrition Society of Malaysia (NSM) di dalam acara 40th Annual Scientific Conference of the Nutrition Society of Malaysia (2025) yang berlangsung hari ini, 29 Julai 2025, di Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur.



Tahniah dan syabas diucapkan kepada **YM Raja Norliana binti Raja Omar**, Pensyarah FHPK, atas kejayaan menerima Anugerah Ikon SULAM Terbaik (Tempat Pertama).

Pencapaian ini membuktikan komitmen tinggi dalam memperkasa pembelajaran berasaskan khidmat komuniti serta keupayaan menterjemahkan ilmu akademik kepada impak sosial yang bermakna.

Semoga kejayaan ini terus memperkukuh budaya SULAM dan menjadi penanda aras kecemerlangan akademik berteraskan komuniti di Universiti Malaysia Kelantan.



SENTUHAN INSPIRASI BERSAMA CHEF RENE JOHARI: DARI BUKU KE PINGGAN



15 JULAI 2025

Program Santai Profesionalisme: Perkongsian Industri bersama Chef Rene Johari telah berlangsung dengan jayanya pada 15 Julai 2025 di UMK Kampus Kota. Chef Rene, Profesor Adjung Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), merupakan Eksekutif Chef di DoubleTree by Hilton, Dubai merupakan sebuah hotel bertaraf antarabangsa yang terletak di tengah-tengah kota metropolitan Timur Tengah. Beliau memiliki lebih 18 tahun pengalaman dalam dunia kulinari merentas benua dan budaya, menjadikan perkongsiannya sarat dengan nilai, inspirasi dan realiti sebenar dunia industri.



Sesi dimulakan dengan "Chef Talk & Tales", menyusuri perjalanan kerjaya beliau yang penuh warna dan cabaran. Lawatan ke perpustakaan, Elysian Spa dan dapur makmal Basil Leaves membuka ruang kepada para pensyarah untuk menyelami dunia hospitaliti secara holistik. Kemuncak acara menyaksikan demonstrasi masakan eksklusif iaitu "Ayam Bersalut Durian Cili" yang diangkat dari buku 'The Durian Cook Book'. Menerusi pendekatan from book to plate, beliau menghidupkan kembali setiap resipi dengan naratif budaya dan cita rasa tersendiri. Beliau membuktikan bahawa setiap resipi bukan sekadar susunan bahan dan rasa, tetapi wadah kisah, budaya dan warisan.

Dengan sentuhan halus dan teknik profesionalnya, beliau memperhalusi aroma, tekstur dan presentasi yang menghidupkan semula keunikan durian dalam hidangan pedas yang menggamit selera. Sesi petang "Coffee and Connections" menjadi medan wacana yang segar dan terbuka, mempertemukan idea serta pandangan mengenai isu semasa dan peluang terkini dalam industri hospitaliti. Perbincangan menyentuh pelbagai topik kritikal termasuk perubahan trend pasaran, cabaran globalisasi, serta peranan teknologi dalam memperkasa pengalaman pelanggan. Suasana santai namun sarat ilmu ini memberikan ruang kepada para pensyarah untuk berinteraksi secara langsung dengan ikon industri.



Sikap beliau yang merendah diri tetapi tinggi aspirasi menyuntik keyakinan dan iltizam baharu dalam kalangan ahli akademik untuk terus melangkah ke hadapan dengan lebih berani, progresif dan berwawasan global.

Sorotan Oleh:
**PN. NURUL FARDILA, DR. NOR MAIZANA,
 DR. HARNIDAH SAMENGON, DR. NUR FARIHIN**
 Pensyarah
 Jabatan Hospitaliti,
 FHPK, UMK



LAWATAN RASMI FHPK KE IBU PEJABAT LPPKN PERKUKUH HUBUNGAN STRATEGIK



14 OGOS 2025

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan lawatan rasmi ke Ibu Pejabat Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Kuala Lumpur, sebagai inisiatif memperkukuh hubungan strategik serta meneroka potensi kerjasama dalam bidang penyelidikan, latihan dan pembangunan modal insan.



Sesi perbincangan memfokuskan kepada agenda kesejahteraan keluarga, kesihatan wanita dan penjagaan ibu selepas bersalin, selari dengan kepakaran teras LPPKN melalui pelaksanaan Program MamaCare yang diiktiraf sebagai penanda aras nasional. Delegasi FHPK UMK telah disambut oleh YBhg. Dato' Abdul Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN, bersama barisan pengurusan kanan agensi tersebut.



Lawatan ini turut menampilkan pembentangan rasmi oleh PM. Dr. Mohd Fadil Mohd Yusof, Dekan FHPK, serta Dr. Norsyamalina Che Abdul Rahim, Pengarah Interim IbuCare@UMK, yang menggariskan hala tuju fakulti dalam memperkasa kesejahteraan keluarga melalui pendekatan akademik dan intervensi berimpak. Delegasi turut dibawa melawat ke Ruang MamaCare Spa & Café bagi memahami model operasi holistik yang mengintegrasikan kesihatan, kesejahteraan dan kelestarian perkhidmatan.



Secara keseluruhannya, lawatan rasmi ini diharapkan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif strategik, khususnya penubuhan IbuCare@UMK, sekali gus memperkukuh usaha bersama dalam meningkatkan kesejahteraan keluarga dan komuniti di Malaysia.

Sorotan Oleh:
DR. NORSYAMLINA CHE ABDUL RAHIM
Pensyarah Kanan
Jabatan Kesejahteraan
FHPK, UMK



KUNJUNGAN HORMAT FHPK, UMK KE PUSAT KELUARGA LPPKN KELANTAN



2 SEPTEMBER 2025

Pada 2 September 2025, Pusat Keluarga Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Kelantan telah menerima kunjungan hormat daripada pihak Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Delegasi FHPK diketuai oleh YBrs. PM Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof, Dekan FHPK, bersama beberapa wakil fakulti yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan komuniti

Pertemuan ini diharapkan menjadi titik permulaan kepada jalinan strategik yang kukuh antara FHPK UMK dan LPPKN, sekali gus memacu usaha meningkatkan kesejahteraan keluarga dan komuniti di bawah agenda Malaysia MADANI.



Kunjungan ini bertujuan meneroka potensi kerjasama strategik dalam bidang kesejahteraan keluarga, pembangunan remaja, kesihatan wanita dan advokasi komuniti. Perbincangan turut memberi tumpuan kepada peluang peluasan program latihan, penyelidikan bersama serta inisiatif komuniti yang dapat dilaksanakan melalui penglibatan kedua-dua pihak. Antara perkara yang diketengahkan ialah sokongan kepada program intervensi keluarga, pendidikan kesihatan bagi wanita dan remaja, serta pendekatan holistik dalam memperkasakan institusi keluarga di negeri Kelantan.

Pihak LPPKN Kelantan memberi komitmen untuk bekerjasama dalam pelbagai inisiatif yang boleh menyumbang kepada pembangunan masyarakat setempat.



Kerjasama ini turut menyokong peranan FHPK sebagai fakulti berorientasikan komuniti melalui penyelidikan berimpak dan program pembangunan masyarakat.

Sorotan Oleh:
DR NORSYAMLINA CHE ABDUL RAHIM
 Pengarah Interim
 Ibucare@UMK
 FHPK, UMK



SOROTAN FHPK 2025

ICOHOTS 2025: MEMPERKASA WACANA GLOBAL PELANCONGAN, HOSPITALITI DAN KESEJAHTERAAN LESTARI



10 DAN 11 SEPTEMBER 2025

Pada 10 dan 11 September 2025, 3rd International Conference on Hospitality, Tourism and Wellness (ICoHoTS 2025) anjuran Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan strategik pelbagai pihak. Bertemakan "Sustainable Tourism and Hospitality: Navigating the Path to Wellness" persidangan ini berfungsi sebagai platform antarabangsa yang signifikan bagi perkongsian ilmu, pameran inovasi serta pemerkasaan jaringan akademik dan industri di peringkat global.



Konferens turut menerima dukungan rasmi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta kerjasama antarabangsa bersama Universitas Negeri Padang (UNP) dan Universitas Muhammadiyah Sumatera Barat (UMSB). Penglibatan institusi luar negara ini meningkatkan kredibiliti akademik ICoHoTS dan memperkukuh kedudukannya sebagai persidangan serantau berprestij. Pembentangan tokoh industri, pertandingan inovasi dan aktiviti STEM pula memperkasa pembangunan modal insan serta menggalakkan penyelidikan berteraskan kelestarian.

Secara keseluruhan, ICoHoTS 2025 mengukuhkan peranan UMK sebagai peneraju dalam agenda kelestarian pelancongan, hospitaliti dan kesejahteraan, sejajar aspirasi FHPK-UMK 2030.

Sorotan Oleh:
DR NORSYAMLINA CHE ABDUL RAHIM
Pegawai ICoHoTS 2025
FHPK, UMK



Main Information	Data
Publication Years	2017 - 2025
Total Publications	13
Citable Year	15
Number of Contributing Authors	45
Number of Cited Papers	10
Total Citations	211
Citation per Paper	16.23
Citation per Cited Paper	21.10
Citation per Year	17.58
Citation per Author	4.69
Average per Paper	3.46
Citation issue within 1-Cite	210
h-index	7
g-index	13
m-index	0.538

ICoHoTS 2025 merekodkan penyertaan seramai 130 peserta, merangkumi 45 pembentangan kertas kerja, 43 projek inovasi, serta 42 penyertaan STEM daripada 28 buah sekolah, dengan penglibatan 167 orang pelajar. Kepelbagaian pengisian ini mencerminkan komitmen persidangan dalam memperkukuh ekosistem penyelidikan, inovasi dan pembangunan bakat muda berteraskan kelestarian.

PELAJAR FHPK UMK JAYAKAN PROGRAM VOLUNTOURISM PENDIGITALAN HOMESTAY DI PULAU SURI, TUMPAT, KELANTAN



23 OKTOBER 2025

Seramai 60 orang pelajar Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menyertai satu program *voluntourism* berimpak tinggi di Pulau Suri, Kelantan, yang memfokuskan kepada pendigitalan homestay dan projek kelestarian komuniti. Program ini telah mendapat tajaan penuh daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) Kelantan, sekali gus mencerminkan kepercayaan agensi kerajaan terhadap peranan universiti dalam pembangunan komuniti pelancongan. Program ini menggabungkan elemen pelancongan, khidmat masyarakat dan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*), selari dengan agenda pelancongan lestari dan pemerkasaan komuniti setempat.



Antara fokus utama program ialah membantu pengusaha homestay di Pulau Suri dalam aspek pendigitalan operasi dan pemasaran. Pelajar terlibat secara langsung dalam Pengenalan asas *digital marketing* untuk *homestay*, Pembangunan kandungan media sosial, Pendedahan kepada penggunaan platform digital bagi tempahan dan promosi dan Peningkatan kesedaran terhadap kepentingan penjenamaan destinasi. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kefahaman komuniti terhadap teknologi digital, malah membantu *homestay* tempatan kekal relevan dan berdaya saing dalam industri pelancongan semasa.

Kejayaan program ini turut didorong oleh kerjasama strategik antara UMK, MOTAC Kelantan dan komuniti Pulau Suri.

Tajaan penuh oleh MOTAC Kelantan membuktikan sokongan berterusan agensi kerajaan terhadap inisiatif universiti dalam memperkasa pelancongan komuniti melalui pendekatan berasaskan ilmu dan inovasi.



Program ini dirasmikan oleh Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Kelantan, Puan Aliza Baharuddin dan perasmian penutup telah dijayakan oleh Dekan FHPK Prof Madya Dr. Mohd Fadil bin Mohd Yusof. Kolaborasi ini juga mengukuhkan peranan universiti sebagai pemacu pembangunan masyarakat dan rakan strategik kepada industri pelancongan tempatan.

Program *voluntourism* ini memberi impak dua hala iaitu komuniti mendapat sokongan praktikal dan pengetahuan digital, manakala pelajar memperoleh pengalaman pembelajaran bermakna di luar bilik kuliah. Pengalaman ini diharap dapat membentuk graduan UMK yang bukan sahaja kompeten dari segi akademik, tetapi juga berjiwa komuniti dan peka terhadap isu kelestarian. Inisiatif sebegini membuktikan bahawa *voluntourism* mampu menjadi platform berkesan dalam mengintegrasikan ilmu, kemahiran dan nilai kemanusiaan ke arah pembangunan pelancongan yang lebih mampan.

Sorotan Oleh:
**DR. FADHILAHANIM ARYANI ABDULLAH &
DR. NORIZAN MUSA**

Pensyarah, Jabatan Pelancongan,
FHPK, UMK



280 PELAJAR FHPK CABAR KEKUATAN MENTAL DAN FIZIKAL SEMPENA PENGANJURAN PROGRAM MY-ADVENTURE TOURISM EXPEDITION 2025 (MY-ATE 2025)



25 OKT - 15 NOV 2025

MY-ADVENTURE TOURISM EXPEDITION 2025 (**MY-ATE 2025**) telah berlangsung dengan jayanya bermula dari 25 Oktober hingga 15 November 2025 yang lalu. Seramai 280 pelajar daripada kursus HTB30103 Pengurusan Rekreasi dan Senggang Semester September 2025/2026 telah berjaya mengikuti sepuluh (7) siri program rekreasi luar yang di adakan di tiga (3) daerah iaitu Jeli, Dabong dan Setiu. Program MY-ATE 2025 telah mendapat kerjasama penuh daripada Persatuan Jurulatih Rekreasi Malaysia (PJRM) yang mana ia bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengalaman baharu kepada semua peserta berkenaan kepelbagaian aktiviti pelancongan lasak (adventure tourism) yang terdapat di dalam negeri Kelantan dan sempadan negeri iaitu di Peladang Setiu Resort.



Sebanyak tujuh siri ekspedisi telah berjaya dijalankan yang melibatkan seramai 40 orang pelajar bagi setiap ekspedisi. Sebanyak tiga siri MY-ATE 2025 telah diadakan sekitar Gunung Reng, Lata Mawo dan Kale Nusuk, Jeli di mana peserta berjaya menamatkan beberapa aktiviti rekreasi seperti Water Tubing, water confident, trekking (2.8km), hiking dan caving di Gunung Reng.

Aktiviti ini telah dilaksanakan oleh Kumpulan Green Recreation Jeli yang diketuai oleh En Abbas atau dikenali sebagai Pokbah.



Siri seterusnya pula menyaksikan peserta MY-ATE 2025 berjaya mengharungi pelbagai cabaran sepanjang 10km meneroka Kompleks Gua Ikan di Dabong, Jelawang. Kesemua peserta berjaya menamatkan penerokaan di tiga gua utama iaitu Gua Keris, Gua Gelap dan Gua Ikan. Bagi aktiviti di daerah Dabong, MY-ATE 2025 mendapat kerjasama dan sokongan penuh daripada Koperasi Pelancongan Dabong (KOPEL-D) yang diketuai oleh Pengerusi KOPEL-D iaitu En Amri atau lebih dikenali sebagai Mark-Yie yang merupakan seorang pemandu pelancong/ Malim Gunung yang berpengalaman di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Ekspedisi terakhir diteruskan di daerah Besut iaitu di Peladang Setiu Resort di mana seramai 40 orang peserta berjaya menamatkan cabaran "Explorace" sebanyak 12 cabaran seperti Monkey Rope, Titian Sirat, Syiling 400 dan Cabaran Tali. Cabaran *explorace* menyaksikan satu Kumpulan dinobatkan sebagai pemenang apabila berjaya menamatkan kesemua cabaran tanpa denda dan masa paling pantas. Seterusnya mereka juga mengharungi aktiviti air iaitu *Water confident* pada kedalaman 4 meter dan 15 meter selain mengikuti aktiviti "Water Tubing" selama hampir 2 jam.

Sorotan Oleh:

PROF. MADYA DR. ROSLIZAWATI CHE AZIZ
Penyelaras Program MY-ATE 2025
Jabatan Pelancongan



NADI UMK MADANI: MENGANGKAT FUNGSI DAN PERANAN DALAM KOMUNITI



29 OKT & 22 DIS 2025

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah melaksanakan inisiatif NADI UMK MADANI sebagai sebahagian daripada Program Kampung Angkat MADANI FHPK UMK, dengan fokus utama kepada penceriaan luaran Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) Bukit Tiu serta usaha promosi bagi meningkatkan kesedaran komuniti terhadap fungsi dan peranan NADI. Pendekatan ini dilaksanakan bagi menambah baik kemudahan sedia ada agar NADI lebih menarik, mudah dikenali dan dimanfaatkan secara optimum oleh masyarakat setempat.



Pelaksanaan projek ini melibatkan penglibatan aktif seramai lebih 200 orang sukarelawan pelajar FHPK dan dilaksanakan secara dua fasa. Fasa pertama, yang berlangsung pada 29 Oktober 2025, menumpukan kepada aktiviti pembersihan kawasan luaran, pengemasan persekitaran serta kerja-kerja penyelenggaraan asas sebagai persediaan awal kepada proses penceriaan.

Fasa kedua, yang dilaksanakan pada 22 Disember 2025, memberi fokus kepada aktiviti keceriaan luaran, penambahbaikan elemen visual, pemasangan identiti NADI serta penyediaan bahan promosi bagi meningkatkan keterlihatan dan kefahaman komuniti terhadap peranan NADI sebagai pusat ilmu, digital dan aktiviti masyarakat.



Selaras dengan *tagline* "Menyebarkan Maklumat, Memacu Kemajuan Komuniti", inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan FHPK UMK dalam menyokong pembangunan komuniti melalui penambahbaikan fizikal yang strategik, promosi berfokus serta penglibatan pelajar secara langsung dalam usaha memperkasa hubungan universiti-komuniti secara mampan dan berimpak.

Sorotan Oleh:
DR. MOHAMAD PIRDAUS BIN YUSOH
 Ketua Projek,
 NADI UMK MADANI
 FHPK, UMK



MENEROKA KESIHATAN DAN KESEJAHTERAAN MANUSIA MELALUI SINERGI TERAPI HUTAN DAN REFLEKSILOGI ALAM



30 OKTOBER 2025

Program “Kursus Terapi Hutan” anjuran Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) telah berlangsung di Taman Eko-Rimba Jeram Linang, Pasir Puteh pada 30 Oktober 2025. Seramai 20 pegawai JPNK menyertai kursus yang memfokuskan pendekatan kesihatan berasaskan alam semula jadi melalui aktiviti deria, kesedaran persekitaran serta pengukuhan keseimbangan fizikal, mental dan emosi.

Dr. Nor Dalila Marican membentangkan sesi berkaitan terapi refleksiologi melalui sentuhan alam, yang menggabungkan stimulasi tapak kaki dengan elemen bumi semula jadi untuk meningkatkan kesejahteraan holistik. Manakala Dr. Mohd Hakam bin Nazir menyampaikan topik terapi hutan dan kesan fisiologi manusia, menjelaskan mekanisme penurunan tekanan, peningkatan fungsi kardiovaskular serta manfaat biofilik terhadap tubuh.



Kolaborasi berimpak ini bukan sahaja memperkukuh kefahaman peserta mengenai manfaat terapi berasaskan alam, malah membuka ruang baharu dalam pembangunan ekopelancongan kesihatan dan kesejahteraan di Malaysia.



Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) UMK, melalui Jabatan Kesejahteraan FHPK turut diberi penghormatan untuk menyampaikan dua modul utama program Terapi Hutan.

Sorotan Oleh:
DR. NOR DALILA MARICAN & DR. MOHD HAKAM BIN NAZIR
 Pensyarah Kanan,
 Jabatan Kesejahteraan
 FHPK, UMK



DARI KAMPUNG TERUS KE JIWA: EKSPLORASI BUDAYA & WARISAN MAKANAN SECARA EXPERIENTIAL LEARNING



3 NOV – 15 DIS 2025

Persembahan makanan warisan ini dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pentaksiran berterusan bagi kursus Budaya dan Warisan Makanan (HNB30403) bermula dari 3 November 2025 sehingga 15 Disember 2025. Aktiviti pembelajaran ini telah menerapkan elemen pembelajaran berasaskan pengalaman iaitu *Experiential Learning* supaya para pelajar dapat lebih memahami dan menjiwai nilai terhadap makanan warisan di Malaysia. Seramai 167 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian semester 5, 6 dan 7 telah berjaya mempersembahkan kepelbagaian budaya dan makanan warisan bagi 13 negeri di Malaysia.



Seleksi makanan warisan Negeri Terengganu



Ayam Masak Berlado

Di samping itu, para hadirin juga dihidangkan dengan sampel makanan warisan agar mereka dapat merasai sendiri keunikan makanan warisan yang telah ditampilkan.

Apa yang lebih menarik, para hadirin juga biasanya dihiburkan dengan persembahan Tarian Rakyat oleh anak negeri seperti tarian Wau Bulan, Ulek Mayang, Joget Pahang, Dabus, Ayam Didik, Canggung, Endang, Joget Kereta Lembu, Zapin, Magunatip dan banyak lagi sambil diiringi irama Lagu Rakyat nan indah lagi puitis yang sarat dengan makna tersurat dan tersirat.



Punten Sambal Hijau

Pucuk Ubi Masak Lomak

Justeru, ia mampu mencungkil daya kreativiti dalam kalangan pelajar untuk berkarya dengan menzahirkan idea yang unik dan estetik dalam berkongsi ilmu makanan warisan kepada generasi muda agar ianya lebih menarik dan terkesan di hati para hadirin lantas dapat memartabatkan budaya warisan bangsa.

Antara aspek yang dipersembahkan termasuklah sejarah dan asal-usul makanan warisan, bahan yang digunakan, khasiat terapeutik bahan, resipi, cara memasak tradisional dan peralatan memasak tradisional yang digunakan dalam penyediaan makanan warisan tersebut. Terdapat pelbagai seleksi makanan warisan yang berjaya mencuri hati para hadirin seperti Nasi Tumpang, Kuih Lok Lik, Bubur Anak Lebah, Sambal Kebebe, Nasi Lemuni, Pulut Tai Tai, Sambal Taun, Kuih Sopang, Tempoyak Daun Kayu, Pais Jagung, Ayam Pansuh dan banyak lagi.

Sorotan Oleh:
CIK MAZNE BINTI IBRAHIM
Pensyarah,
Jabatan Hospitaliti,
FHPK, UMK



LAWATAN PENYELIDIK FHPK KE JABATAN PERTANIAN NEGERI KELANTAN MEMPERKUKUH KERJASAMA STRATEGIK BAGI KAJIAN POTENSI AGROPELANCONGAN DI BACHOK, KELANTAN



4 NOVEMBER 2025

Pada 4 November 2025, penyelidik dari Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan satu lawatan rasmi ke Pejabat Pertanian Negeri Kelantan. Lawatan ini bertujuan memperkukuh kerjasama strategik antara UMK dan Jabatan Pertanian melalui Dana Inovasi Sosial & Kajian Sosial, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) Tahun 2025, dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM76,360.00. Sekaligus memperluas penyelidikan berkaitan potensi agropelancongan komuniti dalam memperkasakan pendapatan warga emas di Bachok, Kelantan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen penyelidik UMK dalam menyokong pembangunan ekonomi setempat melalui pemanfaatan tanah secara produktif dan lestari.



Bachok adalah salah satu daripada 11 jajahan di negeri Kelantan, terletak di pesisir timur laut Negeri Kelantan bersempadan di sebelah Timurnya Laut China Selatan. Penggunaan tanah bagi aktiviti pertanian merupakan kategori gunatanah terbesar di Jajahan Bachok, selaras dengan sektor ekonominya yang berasaskan pertanian. Amalan pertanian tradisi yang masih kukuh diamalkan oleh komuniti setempat ialah penanaman jagung manis, ubi dan sayuran yang mana hasilnya dijual di gerai-gerai kayu sepanjang jalan di Kampung Perupok dan Kampung Sungai.

Pendekatan agropelancongan ini bukan sahaja memperkenalkan produk pertanian, malahan memberikan pelancong pengalaman perkampungan secara langsung, termasuk memetik hasil tanaman, menanam, mempelajari kaedah pertanian tradisional, serta mendekati budaya tempatan. Pendekatan ini berpotensi meningkatkan ekonomi komuniti, khususnya warga emas sebagai pemilik tanah, penyewa tanah dan pengusaha tanaman, sekaligus membuka peluang kepelbagaian sumber pendapatan, perniagaan mikro, serta mengukuhkan identiti dan budaya masyarakat tani desa.

Kerjasama ini diharap dapat menyumbang kepada pembangunan agropelancongan di Bachok, Kelantan sebagai keunikan destinasi yang mampu berdaya saing, beridentiti tempatan, dan memenuhi permintaan pelancong yang semakin mengutamakan pengalaman autentik serta aktiviti berbentuk pembelajaran.

Penghargaan:

Penulis mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang telah membiayai kajian ini melalui Geran Dana Inovasi Sosial dan Kajian Sosial Tahun 2025 (Kod Penyelidikan:

R/ISOSIAL/A1100/01974A/002/2025/01490) bertajuk *Pemeriksaan Warga Emas melalui Agropelancongan Komuniti ke arah Pendapatan Lestari dan Produktiviti Pasca Persaraan*.

Sorotan Oleh:

DR. NORIZAN MUSA, PROF MADYA DR. ROSLIZAWATI CHE AZIZ, DR. NORSURIANI BINTI SAMSUDIN, DR. NURUL HAFIZAH BINTI MOHD YASIN & DR. MOHAMAD PIRDAUS BIN YUSOH

Pensyarah,
FHPK, UMK



DARI KELANTAN KE INDONESIA: PERJALANAN ILMU DAN BUDAYA MELALUI “TIME-7”



6-10 NOVEMBER 2025

Program *Tourism International Mobility and Entrepreneurship Management (TIME): Opening Eyes, Gaining Experience, Generating Knowledge-7th* telah mencipta pengalaman pembelajaran yang signifikan buat 76 orang pelajar Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan apabila dilaksanakan di Jakarta dan Bandung, Indonesia pada 6-10 November 2025. Program ini diketuai oleh Dr. Nik Alif Amri Nik Hashim bersama dua pengiring akademik, Dr. Mohamad Pirdaus Yusoh dan Dr. Eni Noreni binti Mohamad Zain.



TIME-7 dirangka untuk membuka horizon antarabangsa pelajar dalam bidang pelancongan dan keusahawanan melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman. Antara pengisian utama program ialah kolaborasi bersama mahasiswa dan komuniti di Cibodas, pendedahan kepada aktiviti pelancongan dan keusahawanan bersama usahawan tempatan, serta penghayatan budaya dan warisan di Saung Angklung, Mang Udjo.

Melalui interaksi langsung dengan komuniti dan pemain industri, pelajar bukan sahaja memperoleh pengetahuan praktikal, malah didedahkan kepada nilai kepimpinan, kerja berpasukan dan tanggungjawab sosial.



Pengalaman ini turut menyemai kefahaman silang budaya dan mencetus inspirasi ke arah idea inovatif serta peluang keusahawanan mampan. Secara keseluruhan, *TIME-7* mencerminkan komitmen FHPK dan UMK dalam melahirkan graduan berfikiran global, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran industri pelancongan masa hadapan.



Sorotan Oleh:

**DR. NIK ALIF AMRI NIK HASHIM,
DR. MOHAMMAD PIRDAUS BIN YUSOH
& DR. ENI NORENI BINTI MOHAMMAD
ZAIN**

Pensyarah kanan
FHPK & FKP, UMK



DARI KELANTAN KE MOSCOW: FHPK MELEBARKAN SAYAP MELALUI KERJASAMA DENGAN RUDN UNIVERSITY, RUSIA



10 NOVEMBER 2025

Pada 10 November 2025, Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) sekali lagi membuktikan komitmennya dalam memperkasakan agenda pengantarabangsaan universiti apabila berjaya memeterai kerjasama strategik dengan institusi tersohor Rusia, People's Friendship University of Russia (RUDN University), atau turut dikenali sebagai Universiti Patrice Lumumba.

Detik bersejarah yang berlangsung di Pusat Konvensyen Antarabangsa Langkawi (LICC) ini bukan sekadar satu lagi majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU), sebaliknya ia merupakan simbol penyatuan dua budaya akademik berbeza benua. Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) ini dilaksanakan sempena Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Rusia (JC-ESTC), satu platform berprestij yang memfokuskan kerjasama ekonomi, saintifik, dan kebudayaan.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran Menteri Pendidikan Tinggi, YB. Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir dan rakan sejawatnya dari Rusia, TYT Valery Falkov, Menteri Sains dan Pendidikan Tinggi Persekutuan Rusia, sebagai saksi utama.

FHPK Sebagai Peneraju Utama

Dalam misi diplomatik akademik ini, FHPK telah diberi kepercayaan sebagai fakulti peneraju (PIC). Delegasi UMK diketuai oleh Dekan FHPK, Prof. Madya Dr. Mohd Fadil Mohd Yusof, diiringi oleh wakil daripada Pusat Antarabangsa UMK, Dr. Burhan Che Daud (Pengarah) dan YM. Raja Norliana Raja Omar (Timbalan Pengarah) yang juga merupakan Penyelaras Jaringan Industri dan Masyarakat, FHPK.

Menurut PM. Dr. Mohd Fadil, kerjasama ini adalah satu lonjakan strategik. "Kami tidak sekadar mencari rakan kerjasama baharu, tetapi mencari sinergi. MoU ini memberi fokus kepada perkongsian kepakaran dalam bidang teras UMK iaitu pelancongan, hospitaliti, agroteknologi, dan keusahawanan. Ini adalah bidang di mana kedua-dua UMK dan RUDN mempunyai kekuatan yang boleh digabung jalin," jelas beliau.

Manfaat Langsung Kepada Warga Kampus

Apa yang menarik tentang kerjasama ini ialah impaknya kepada ekosistem universiti. Ia bukan sekadar dokumen di atas kertas, tetapi membuka pintu kepada pelbagai peluang nyata, antaranya:

- **Mobiliti Tanpa Sempadan:** Peluang untuk pelajar dan staf akademik menyertai program pertukaran, merasai pengalaman pembelajaran dan pengajaran di Rusia.
- **Penyelidikan Berimpak:** Pelaksanaan projek penyelidikan bersama yang menggabungkan kepakaran dua negara.
- **Pusat Bahasa & Budaya:** Perancangan masa depan untuk mewujudkan kelas berorientasikan subjek, pusat bahasa Rusia, dan pusat latihan pra-universiti.



Langkah ini dijangka meningkatkan keterlihatan universiti di mata dunia dan bakal merencanakan pertukaran budaya dan ilmu antara Malaysia dan Rusia. Ini adalah bukti bahawa UMK terus komited melahirkan graduan yang bukan sahaja jaguh kampung, tetapi bersedia menjadi warga global.

Sorotan Oleh:

YM. PUAN RAJA NORLIANA BINTI RAJA OMAR
Pensyarah,
Jabatan Pelancongan
FHPK, UMK



KARNIVAL JOM SIHAT & CANTIK SIRI 2/2025: PLATFORM PEMBELAJARAN, INOVASI DAN KESEDARAN KESEHATAN



10-11 NOVEMBER 2025

Karnival Jom Sihat & Cantik Siri 2/2025 telah berlangsung dengan meriah pada 10-11 November 2025 di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, dari 8.00 pagi hingga 6.00 petang. Program ini menghimpunkan warga kampus, komuniti serta pelajar luar melalui aktiviti berimpak seperti ceramah kesihatan, demo masakan sihat, sesi kecantikan, senaman zumba, *coaching* kesejahteraan dan pameran inovasi nutrisi. Sebanyak 25 kumpulan pelajar FHPK mempamerkan bahan edukasi dan projek nutrisi, manakala penyertaan 100 pelajar dari Maahad Pengajian Islam dan Maahad Sains Tok Guru mengukuhkan elemen libat sama komuniti.



Kerjasama strategik bersama Qaseh Medical Sdn. Bhd. membolehkan peserta mendapatkan pelbagai pemeriksaan kesihatan seperti tinggi, berat, tekanan darah, timbang komposisi badan, saringan kualiti tidur, analisis kulit, serta ujian gula (GM) bagi individu berisiko seperti mereka yang mempunyai sejarah keluarga diabetes atau berlebihan berat badan. Turut disediakan ialah *beauty consultation* dan *weight management consultation*, meningkatkan nilai tambah pendidikan kesihatan secara holistik

Seramai 300 pelajar kursus Amalan Makanan & Pemakanan serta Rawatan Kecantikan berperanan sebagai fasilitator, pempamer dan pengusaha booth.



Karnival ini disokong oleh Kelab Keusahawanan Kesejahteraan, FHPK melalui booth jualan, inai dan urutan yang turut menyumbang kepada penjana pendapatan kelab. Program lebih meriah dengan 30 cabutan bertuah yang ditaja sepenuhnya oleh para penggerai dan penganjur bersama. Secara keseluruhan, karnival ini menyokong SDG 3, memperkukuh jaringan industri-universiti dan memantapkan imej FHPK sebagai peneraju kesejahteraan holistik di UMK.



Sorotan Oleh:
DR. NORSYAMLINA CHE ABDUL RAHIM
 Pengarah Karnival Jom Sihat & Cantik
 Siri 2/2025
 Jabatan Kesejahteraan
 FHPK, UMK



“TIME-8” HO CHI MINH: MENGANTARABANGSAKAN PEMBELAJARAN, MENYINGKAP REALITI DUNIA PELANCONGAN GLOBAL



16 – 20 NOVEMBER 2025

Apa ertinya pembelajaran jika ia hanya terhenti di dalam bilik kuliah? Melalui *Tourism International Mobility and Entrepreneurship Management (TIME): Opening Eyes, Gaining Experience, Generating Knowledge-8th*, pelajar Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan diberi peluang untuk melihat dunia luar dengan mata sendiri. Program yang berlangsung di Ho Chi Minh, Vietnam dari 16 hingga 20 November 2025 ini melibatkan 101 orang pelajar dan dipimpin oleh Dr. Nik Alif Amri Nik Hashim bersama tiga orang pengiring akademik iaitu Dr. Mohamad Pirdaus Yusoh, Dr. Aikal Liyani Mohd Rasdi dan Dr. Nor Amira binti Mohd Razali.

Pengalaman paling bermakna terserlah ketika libat urus komuniti di Sungai Mekong, apabila pelajar menyaksikan bagaimana kehidupan, budaya dan kelestarian saling berkait dalam pembangunan pelancongan. TIME-8 membuktikan bahawa pengantarabangsaan bukan sekadar perjalanan merentas negara, tetapi proses membentuk minda global, jiwa empati dan keberanian untuk belajar daripada dunia sebenar.



Di bumi Ho Chi Minh, pelajar bukan sekadar menjadi pelawat, tetapi pemerhati aktif ekosistem pelancongan global. Kolaborasi akademik bersama mahasiswa University of Economics Ho Chi Minh membuka dialog rentas budaya, idea dan pemikiran global. Sesi bersama usahawan tempatan pula mendedahkan realiti keusahawanan pelancongan yang dinamik, kompetitif dan berteraskan inovasi.

Sorotan Oleh:

DR. NIK ALIF AMRI NIK HASHIM, DR. MOHAMMAD PIRDAUS BIN YUSOH, DR. AIKAL LIYANI MOHD RASDI & DR. NOR AMIRA MOHD RAZALI

Pensyarah kanan
FHPK, UMK



“AUTIGREEN” : PROJEK KESUKARELAWAN BERSAMA PUSAT DALAM KOMUNITI, PDK AL-KAUTHAR, PENKALAN CHEPA



3 DISEMBER 2025

Program kesukarelawan AutiGreen di bawah inisiatif SULAM yang dijalankan oleh kumpulan sukarelawan pelajar FHPK di PDK AI-Kauthar, Pengkalan Chepa telah berlangsung dengan jayanya dan mendapat penyertaan aktif daripada semua sukarelawan dan warga PDK. Program ini turut melibatkan kolaborasi bersama kumpulan Roda Warisan Kita yang menjadikan program ini lebih meriah dan membantu melancarkan aktiviti yang dijalankan.



Program ini bertujuan memberi sokongan kepada kanak-kanak istimewa melalui aktiviti yang kami sediakan iaitu senamrobik, pembelajaran melalui tablet dan aktiviti seni yang di mana dapat membantu meningkatkan keyakinan serta kemahiran sosial mereka.

Sepanjang program berlangsung, sukarelawan menunjukkan komitmen yang tinggi dalam membimbing peserta bagi semua aktiviti yang dijalankan. Kanak-kanak di PDK kelihatan ceria, bersemangat dan terlibat secara aktif dalam setiap aktiviti. Selain itu, pihak kami turut menyediakan hadiah cenderahati kepada semua peserta dan guru-guru PDK sebagai tanda sokongan dan penghargaan.



Secara keseluruhannya, program AutiGreen dapat dianggap berjaya dan mencapai objektif SULAM. Kami berharap aktiviti seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan supaya dapat memberi manfaat berterusan kepada komuniti.

Sorotan Oleh:
KUMPULAN 8, L2
Pelajar Kesukarelawanan
FHPK, UMK



GOTONG-ROYONG BUKIT GUNONG, BACHOK: MEMELIHARA KHAZANAH, MENYEMAI NILAI



6 DISEMBER 2025

Program gotong-royong ini dilaksanakan sebagai komponen *Service-Learning* Malaysia (SULAM) di bawah kursus Kesukarelawanan (HPT30203). Aktiviti ini menggabungkan khidmat komuniti dengan pembelajaran akademik, di mana sukarelawan tidak hanya membersihkan dan memulihara kawasan Bukit Gunong, tetapi juga merefleksikan pengalaman tersebut untuk memperkukuh kefahaman terhadap kursus.

Pengalaman ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk menerapkan semua kemahiran dalam pengurusan pelancongan mampan, kemahiran ekonomi, komunikasi, dan kerja berkumpulan. Hasilnya, Bukit Gunong bukan sahaja menjadi lebih terpelihara, malah berpotensi sebagai destinasi eko-pelancongan yang mampu memberi manfaat ekonomi kepada komuniti.



Melalui kerjasama yang erat dengan masyarakat setempat, pelajar ini telah terlibat dalam kegiatan pembersihan lorong pendakian, penandaan kawasan larangan yang berbahaya bagi pengunjung, dan pemasangan papan tanda maklumat dan kesedaran. Projek ini telah berhasil meningkatkan tingkat kebersihan di kawasan itu, menyemai nilai tanggungjawab sivik, dan mengukuhkan hubungan antara ahli sukarelawan dengan penduduk tempatan.

Secara keseluruhan, program ini telah mencapai objektif SULAM dengan mengintegrasikan servis, pembelajaran dan refleksi, sekaligus melahirkan graduan yang prihatin terhadap alam sekitar dan sosial.

(QR FOR VIDEO)



Sorotan Oleh:
KUMPULAN 6, L2
Pelajar Kesukarelawanan
FHPK, UMK



PROJEK KURSUS KESUKARELAWANAN UMK MELALUI PENDEKATAN 'SENYUM DULU AIR JAGUNG PERCUMA' MEMUPUK SIKAP PRIHATIN WARGA KAMPUS



11 DISEMBER 2025

Pada 11 Disember 2025 kursus Kesukarelawan (HPT30203) di bawah bimbingan penulis selaku penyelaras dan pensyarah kursus telah menganjurkan program amal bertemakan "Projek Senyum Dulu Air Jagung Percuma" di Kampus Kota Pengkalan Chepa, Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

Projek ini memfokuskan kepada dua aktiviti utama iaitu edaran air jagung lemak manis secara percuma dan pengumpulan sumbangan untuk golongan asnaf melalui kotak tabung amal yang disediakan. Sumbangan ini akan disalurkan kepada golongan asnaf yang memerlukan sebagai tanda solidariti dan sokongan berterusan terhadap komuniti kurang berkemampuan. Penganjuran projek ini merupakan salah satu tugas kumpulan pelajar yang dijalankan melalui pendekatan Service Learning Malaysia (SULAM) dan pembelajaran pengalaman. Ianya bersesuaian memandangkan warga di Kampus Kota UMK terkesan akibat banjir pada 23 Novemer 2025. Edaran air jagung percuma ini menjadi salah satu usaha kecil namun bermakna bagi simbol empati, perhatian dan kepedulian sosial.



Pelaksanaan projek ini adalah bertujuan untuk mencapai lima objektif iaitu (i) meringankan beban warga kampus yang terkesan selepas bencana; (ii) menyemai semangat kesukarelawan dalam diri pelajar; (iii) menggalakkan budaya memberi dan berkongsi; (iv) menyantuni golongan Asnaf melalui hasil kutipan sumbangan dan; (v) sambutan Kegembiraan daripada Warga Kampus. Keunikan projek ini terletak pada syarat simbolik yang diperkenalkan iaitu

"Senyum dulu, air jagung Free" adalah pendekatan kreatif yang bukan sahaja menceriakan penerima, malahan membudayakan praktik senyuman sebagai satu sedekah senada dengan sabda Nabi Muhammad SAW iaitu "Senyummu kepada saudaramu adalah sedekah".



Secara keseluruhannya, projek ini mencapai objektif yang dirancang, sekaligus membuka ruang kepada pelajar untuk merasai pengalaman sebenar dalam menjalankan aktiviti khidmat komuniti. Projek ini membuktikan bahawa tindakan kecil seperti memberi minuman percuma dan mengajak orang senyum mampu menghasilkan impak sosial yang besar.

Sorotan Oleh:
DR. NORIZAN BINTI MUSA
Pensyarah,
Jabatan Pelancongan,
FHPK, UMK



PROGRAM MONSOON BEACH CHALLENGE 2025: PLATFORM GAYA HIDUP SIHAT DAN PEMBELAJARAN BERIMPAK TINGGI



13 DISEMBER 2025

Walaupun berdepan hujan lebat, lebih **750 orang peserta** berjaya menamatkan larian dalam program Monsoon Beach Challenge 2025 yang berlangsung di Kemasin Beach Resort, Bachok, Kelantan.

Program ini merupakan anjuran pelajar tahun akhir Keusahawanan Kesejahteraan, Fakulti Pelancongan, Hospitaliti dan Kesejahteraan (FHPK), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), dan telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMK, **YBhg. Dato' Prof. Ir. Ts. Dr. Arham bin Abdullah**, Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan pada jam 8.00 pagi.

Menurut Dato' Prof. Ir. Ts. Dr. Arham bin Abdullah, penganjuran acara larian tahunan ini menerima sambutan yang amat memberangsangkan dengan peningkatan penyertaan sebanyak 20 hingga 40 peratus berbanding tahun 2024.



Peningkatan ini mencerminkan minat masyarakat yang semakin tinggi terhadap aktiviti berorientasikan kesihatan dan kecergasan fizikal. Beliau menjelaskan bahawa objektif utama penganjuran Monsoon Beach Challenge 2025 adalah untuk memupuk amalan gaya hidup sihat melalui aktiviti riadah yang menyeronokkan, di samping mengukuhkan semangat kerjasama serta perpaduan dalam kalangan pelajar dan komuniti setempat.

Selain itu, program ini turut memberi impak tidak langsung dalam mempromosikan sektor pelancongan pesisir pantai di daerah Bachok sebagai destinasi rekreasi yang menarik serta berpotensi besar untuk pembangunan komuniti dan ekonomi setempat.

Program ini dilaksanakan sepenuhnya sebagai sebahagian daripada kursus Perniagaan Sukan, di bawah seliaan Pensyarah Mohd Firdaus bin Mohd Nasir, selaku Pengarah Program. Penganjuran Monsoon Beach Challenge 2025 membuktikan komitmen FHPK dalam mengintegrasikan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*), keusahawanan, kesejahteraan komuniti dan kelestarian pelancongan selaras dengan aspirasi UMK sebagai Universiti Keusahawanan Global.

Diharapkan program Monsoon Beach Challenge ini dapat diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2026 sebagai acara tahunan yang berimpak tinggi kepada pelajar, universiti dan komuniti setempat

Sorotan Oleh:
DR. NORSURIANI BINTI SAMSUDIN
Setiausaha Program
Monsoon Beach Challenge 2025



BIE 11.0: PERKASA BUDAYA INOVASI DAN KEUSAHAWANAN PELAJAR UMK



14 HINGGA 15 DISEMBER 2025

Dewan Keusahawanan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota menjadi saksi kepada penganjuran BIE 11.0: *Beginner Innovation and Entrepreneurship Exhibition*, sebuah pameran akademik berimpak tinggi yang menghimpunkan pelajar subjek Inovasi Produk. Program ini telah dianjurkan oleh pelajar program MICE sesi September 2025 dan berlangsung selama dua hari pada 14 hingga 15 Disember 2025, dengan penyertaan sebanyak 58 kumpulan pelajar.

Pameran ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform penilaian akademik, malah menjadi medan simulasi awal kepada ekosistem startup dan perniagaan berasaskan inovasi. Melalui suasana pameran yang kompetitif dan interaktif, pelajar didedahkan kepada realiti dunia keusahawanan yang menekankan kreativiti, kebolehlaksanaan idea dan potensi pasaran.



BIE 11.0 dianjurkan oleh Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) dengan kerjasama Pusat Keusahawanan, Penyelidikan dan Inovasi Global (GERIC UMK). Penganjuran ini bertujuan memberi pendedahan menyeluruh kepada pelajar terhadap proses pembangunan produk inovatif, bermula daripada penjanaan idea, pembangunan konsep dan reka bentuk produk, sehinggalah kepada pembentangan nilai komersial secara profesional.

Bagi penganjuran kali ke-11 ini, produk inovasi 'Scivago Jacket' telah muncul sebagai Produk Inovasi Terbaik Keseluruhan serta Produk Terbaik Bidang Pelancongan. Produk ini mengetengahkan konsep pakaian adventure traveller mesra Muslim yang direka bentuk secara praktikal dan inovatif, dengan penekanan kepada ciri keselamatan, keselesaan serta fungsi pelbagai guna yang memenuhi keperluan pengembara moden. Kejayaan ini mencerminkan keupayaan pelajar mengaplikasikan pengetahuan akademik ke dalam pembangunan produk berpotensi komersial serta relevan dengan kehendak pasaran.



Secara keseluruhannya, BIE 11.0 berjaya menyokong agenda UMK dalam memperkasa budaya inovasi dan keusahawanan dalam kalangan pelajar, di samping menyediakan platform pembelajaran berasaskan pengalaman yang mampu melahirkan graduan holistik, kreatif, berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran ekonomi digital.

Sorotan Oleh:

**TS. DR. FADHILAHANIM ARYANI ABDULLAH
& PUAN NURUL AZIAH**

Pensyarah, Jabatan Pelancongan,
FHPK, UMK



SPECTRUM TOURISM EXCELLENCE (SPECTRA) 2025



14 – 18 DISEMBER 2025

Program *Spectrum Tourism Excellence* (SPECTRA 2025) adalah satu program yang dianjurkan oleh para pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Keusahawan (Pelancongan) di bawah kursus *Meeting, Incentive, Convention and Exhibition* (MICE) HTA40203 yang diadakan bermula pada 14 Disember 2025 dan berakhir pada 18 Disember 2025 di Dewan Keusahawan, Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota

Kesemua program ini dianjurkan bukan sekadar untuk memenuhi keperluan penilaian kursus MICE, tetapi juga untuk membina generasi pelajar yang holistik berilmu, berkemahiran, berdaya saing, dan mempunyai nilai kepimpinan yang mantap.



Terdapat 4 program di bawah payung Spectra 2025 iaitu 1) *11th Beginner Innovation and Entrepreneur Exhibition* (BIE), 2) *Kelantan Spa and Wellness Tourism Expo* (K-SPAWT 2025), 3) SERUMPUN: Menyemai Warisan, Menuai Harmoni dan 4) *Career Launchpad 2025: STANDBY 4 FUTURE*



Sorotan Oleh:

DR. AIKAL LIYANI BINTI MOHD RASDI & PUAN NURUL AZIAH BINTI AHMAD
Pensyarah kanan/pensyarah
Jabatan Pelancongan
FHPK, UMK



WARISAN TERPINGGIR: MENYUSUN SEMULA KURIKULUM KULINARI DEMI KELESTARIAN MASAKAN WARISAN MALAYSIA



**PROF. DR. MOHD SALEHUDDIN
MOHD ZAHARI**
UCSI UNIVERSITY,
KUALA LUMPUR

Tidak dapat dinafikan, Malaysia kaya dengan kepelbagaian budaya termasuk warisan kuliner yang merupakan cerminan sejarah, nilai sosial serta identiti masyarakat majmuknya. Hidangan tradisional seperti rendang, nasi lemak, laksa, asam pedas, ayam pongteh, dan kuih-muih bukan sekadar makanan, tetapi simbol sejarah bersama dan memori kolektif yang harus dipelihara demi generasi akan datang. Namun, arus globalisasi dan pemodenan sedikit sebanyak mengancam kelestarian warisan ini. Kemunculan makanan segera, perubahan gaya hidup, serta pendedahan terhadap masakan tradisional mempercepatkan kepupusan teknik dan pengetahuan kuliner tempatan. Sarjana menyatakan pemodenan mengubah amalan sosial, termasuk cara penyediaan, pengeluaran, dan amalan pemakanan. Teori Rasionalisasi Weber menekankan masyarakat moden beralih daripada amalan tradisi kepada penggunaan pengetahuan praktikal untuk mencapai matlamat, sekali gus menjejaskan nilai budaya asal. Masakan tradisional yang kaya dengan makna simbolik berisiko dipinggirkan, khususnya apabila generasi muda kurang terdedah kepada teknik penyediaannya. Kajian antarabangsa menunjukkan kebimbangan terhadap kehilangan pengetahuan kuliner diwarisi secara turun-temurun. Perkongsian ilmu melalui tradisi keluarga memupuk rasa kekitaan antara generasi, manakala pemerksaan ilmu gastronomi dalam kalangan generasi muda penting untuk melindungi warisan makanan. Sekiranya proses pewarisan terhenti, generasi masa depan kehilangan hak milik budaya mereka, sekali gus menjejaskan identiti nasional.

Pemindahan kemahiran melalui keluarga sahaja tidak mencukupi. Oleh itu, institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam memastikan kesinambungan. Integrasi masakan warisan ke dalam kurikulum kuliner formal menjadi strategi berkesan. Modul berasaskan budaya dan warisan meningkatkan kefahaman pelajar tentang konteks sejarah dan sosial di sebalik sesuatu hidangan. Pemindahan kemahiran melalui keluarga sahaja tidak mencukupi. Integrasi ini sebagai cara mengekalkan keaslian sambil membuka ruang inovasi, menjadikan hidangan tradisional relevan dalam landskap kontemporari. Selain itu, integrasi tersebut memberi peluang kepada pelajar meneroka hubungan antara gastronomi, antropologi, dan sejarah.

Penyeragaman kurikulum warisan di institusi pengajian tinggi dapat menjamin konsistensi dalam pemindahan ilmu serta mempromosikan kepelbagaian kuliner negara. Walaupun usaha pemeliharaan dilakukan, masakan warisan masih kurang diberi ruang sewajarnya dalam institusi kuliner tempatan. Buktinya, chef muda kurang berminat dengan hidangan tradisi. Tambahan pula, kursus masakan Malaysia biasanya hanya ditawarkan untuk satu atau dua semester di universiti awam, dan lebih singkat di institusi swasta. Masakan warisan merangkumi teknik kompleks, nilai budaya mendalam, dan kepelbagaian etnik yang memerlukan masa panjang untuk dikuasai. Tempoh singkat pengajian tidak mencukupi untuk membentuk kepakaran menyeluruh. Malah, kurikulum kini lebih menekankan masakan Barat, mewujudkan jurang yang menjejaskan nilai warisan tempatan di mata generasi baharu. Trend ini mengancam kelangsungan masakan Malaysia dalam arus global.

Masalah ini menimbulkan persoalan sama ada pengetahuan yang diperoleh melalui kursus singkat mencukupi untuk melestarikan warisan kuliner. Pembelajaran praktikal seperti penyediaan hidangan tradisi, interaksi dengan penjaga budaya, serta penghayatan konteks sejarah adalah penting, namun kurang diberi perhatian. Ketidakeimbangan dalam keutamaan pendidikan lebih memihak kepada prinsip Barat boleh menghalang pelajar menceburi kerjaya berasaskan tradisi masakan tempatan. Akibatnya, wujud jurang generasi dalam pengetahuan dan penghargaan terhadap warisan kuliner. Untuk menangani cabaran ini, penilaian semula struktur program kuliner di Malaysia amat diperlukan. Penawaran diploma atau ijazah yang memberi fokus khusus kepada masakan warisan Malaysia adalah langkah penting. Pendidikan holistik diperlukan untuk membangunkan kepakaran dalam bidang khusus. Namun, sehingga kini, tiada institusi menawarkan program kuliner khusus untuk masakan warisan Malaysia. Jurang ini menunjukkan keperluan mendesak untuk membentuk rangka kerja pendidikan yang menyeluruh. Pendidikan warisan kuliner berfungsi sebagai wadah memelihara tradisi budaya serta memindahkannya kepada generasi muda. Penubuhan rangka kerja ini akan memastikan latihan praktikal yang komprehensif, menghubungkan warisan masa lalu dengan generasi akan datang, serta menjamin kelestariannya dalam menghadapi globalisasi. Tanpa langkah ini, warisan kuliner berisiko menjadi terpinggir, sekali gus melemahkan akar budaya yang membentuk keunikan Malaysia.

KEPENTINGAN LOGO DAN JENAMA KENDIRI DALAM PERNIAGAAN



ABDULLAH MUHAMED YUSOFF
Pensyarah,
Jabatan Hospitaliti

Dalam dunia perniagaan yang semakin kompetitif, memiliki logo dan jenama sendiri bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan strategik. Logo berfungsi sebagai identiti visual sesebuah perniagaan, manakala jenama sendiri mencerminkan nilai, keunikan serta reputasi yang ingin ditonjolkan kepada pelanggan. Kedua-duanya memainkan peranan penting dalam membina kepercayaan, menarik pelanggan baharu, dan mengekalkan kesetiaan pelanggan sedia ada.

Pertama, logo berfungsi sebagai simbol yang mewakili perniagaan secara ringkas tetapi berkesan. Sebuah logo yang menarik, ringkas dan mudah diingat dapat membantu pelanggan mengenali perniagaan dengan pantas. Dalam pasaran yang dipenuhi pesaing, logo yang kuat memberi kelebihan kerana ia dapat mewujudkan ingatan visual yang konsisten. Hal ini amat penting khususnya kepada perniagaan kecil dan sederhana yang bersaing dalam industri yang sama.

Kedua, jenama sendiri memainkan peranan yang lebih luas kerana ia melibatkan keseluruhan imej dan pengalaman yang diberikan kepada pelanggan. Jenama bukan sekadar logo atau warna, tetapi bagaimana perniagaan berkomunikasi, melayani pelanggan, memberikan pengalaman, serta mengekalkan kualiti produk atau perkhidmatan. Apabila sesebuah perniagaan mempunyai jenama yang kukuh, pelanggan lebih cenderung mempercayai dan memilihnya berbanding pesaing.

Ketiga, logo dan jenama sendiri membantu mewujudkan kredibiliti dan profesionalisme. Perniagaan yang mempunyai identiti visual tersendiri sering dilihat lebih serius, teratur dan dipercayai. Ini penting terutamanya bagi usahawan baharu yang ingin membina kehadiran dalam pasaran. Identiti jenama yang konsisten sama ada melalui pembungkusan, media sosial, atau bahan promosi menunjukkan bahawa perniagaan tersebut komited terhadap kualiti dan mempunyai arah yang jelas

Selain itu, jenama sendiri membolehkan perniagaan membina hubungan jangka panjang dengan pelanggan. Apabila pelanggan berasa dekat dengan nilai dan cerita sesebuah jenama, mereka cenderung untuk terus menyokong perniagaan tersebut. Dengan kata lain, jenama yang kuat membantu mencipta kesetiaan pelanggan, yang merupakan aset terpenting dalam perniagaan.

Akhir sekali, logo dan jenama sendiri memberi kelebihan dalam pemasaran. Dengan identiti yang jelas, perniagaan lebih mudah mengembangkan kempen promosi, mengukuhkan kehadiran di media sosial, dan membina reputasi digital. Hal ini menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan yang lebih cepat dan mapan.

Secara keseluruhannya, logo dan jenama sendiri adalah pelaburan jangka panjang yang memberikan impak besar kepada kejayaan perniagaan. Ia bukan sahaja mencipta identiti yang kuat, tetapi juga mengukuhkan kepercayaan, meningkatkan keterlihatan dan membina hubungan bermakna dengan pelanggan. Dalam persekitaran perniagaan moden, siapa yang memiliki jenama yang lebih kukuh, dialah yang mendahului pasaran.



SETINGGI - TINGGI TAHNIAH



Tahniah
Pn. Zairah Ayu binti Abd Ghani
 di atas kenaikan pangkat secara Time-Based Berdasarkan Keceklerangan (TBK)
Pembantu Tadbir (P/O) (N2)
 daripada:
 Dekan, Ahli Pengurusan & Seluruh Warga
 Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



TAHNIAH
EN. AMIR FAISAL BIN AHAMED LATFI
 ATAS PELANTIKAN SEBAGAI
EXTERNAL ACADEMIC ADVISOR
MK HOSPITALITY ACADEMY
 IKHLAS DARIPADA
 DEKAN, AHLI PENGURUSAN DAN SELURUH WARGA
 FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN



Tahniah
DR. NORSYAMLINA BINTI CHE ABDUL RAHIM
 Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan
 atas kejayaan memperoleh
PERAK
INTERNATIONAL UNIVERSITY CARNIVAL ON E-LEARNING (IUCEL)
 "Embracing AI for Innovative Learning and Inclusive Education"
 Ikhlas daripada:
DRHI PROF. DR. HUZILI BIN HUSSIN
 Penasihat Sains Komputer, Sistem & Antarabangsa dan seluruh warga Pejabat TRICAA
 Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



Tahniah
DR. NORSURIANI BINTI SAMSUDIN
 Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan
 atas kejayaan memperoleh
GANGSA
INTERNATIONAL UNIVERSITY CARNIVAL ON E-LEARNING (IUCEL)
 "Embracing AI for Innovative Learning and Inclusive Education"
 Ikhlas daripada:
DRHI PROF. DR. HUZILI BIN HUSSIN
 Penasihat Sains Komputer, Sistem & Antarabangsa dan seluruh warga Pejabat TRICAA
 Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



Tahniah
DR. AHMAD FAEZI BIN AB. RASHID
 Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan
 atas kejayaan memperoleh
PERAK
INTERNATIONAL UNIVERSITY CARNIVAL ON E-LEARNING (IUCEL)
 "Embracing AI for Innovative Learning and Inclusive Education"
 Ikhlas daripada:
DRHI PROF. DR. HUZILI BIN HUSSIN
 Penasihat Sains Komputer, Sistem & Antarabangsa dan seluruh warga Pejabat TRICAA
 Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



Tahniah
Cik Lee Wan Zhen
 atas jemputan sebagai
KEYNOTE SPEAKER
 WEBINAR ANTARABANGSA SIRI NEUROSAINS ANJURAN INTERNATIONAL MEDICAL SCHOOL, MSU, MALAYSIA

SETINGGI - TINGGI TAHNIAH



IToLIC'25
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2025

**CATEGORY B:
TRANSFORMATIVE TEACHING & LEARNING**

GOLD AWARD
ID: B28
IMMERSIVE NUTRITION EDUCATION:
DESIGNING ARE-IHEKS TO TACKLE
OBESITY THROUGH TECHNOLOGY

DR. NORSYAMLINA CHE ABDUL RAHIM
Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



IToLIC'25
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2025

**CATEGORY B:
TRANSFORMATIVE TEACHING & LEARNING**

GOLD AWARD
ID: B33
WELL (WELLNESS ENHANCED LIFELONG
LEARNING) NEXUS: EMPOWERING
WELLNESS INNOVATION EDUCATION
THROUGH HYBRID DIGITAL-PHYSICAL
LEARNING

DR. AHMAD FAEZI BIN AB. RASHID
Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



IToLIC'25
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2025

**CATEGORY B:
TRANSFORMATIVE TEACHING & LEARNING**

GOLD AWARD
ID: B12
REDESIGNING FINANCIAL EDUCATION: A
SULAM-DRIVEN INNOVATION FOR
TRANSFORMATIVE LEARNING

DR. RUZANIFAH BINTI KOSNIN
Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



IToLIC'25
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2025

**CATEGORY B:
TRANSFORMATIVE TEACHING & LEARNING**

SILVER AWARD
ID: B42
LEVERAGING ARTIFICIAL INTELLIGENCE TO
CREATE ANIMATED LECTURE VIDEOS: A
STUDY ON STUDENTS' KNOWLEDGE AND
FUNCTIONAL SKILLS OF AI USAGE

NORSURIANI BINTI SAMSUDIN
Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



IToLIC'25
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2025

**CATEGORY F:
NEW CONCEPTS & FUTURE IDEAS**

SILVER AWARD
ID: F37
LEARNING BY DOING:
SOLVING HALAL CHALLENGES BEYOND
THE CLASSROOM

DR. NUR HAFIZAH BINTI MUHAMMAD
Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



IToLIC'25
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2025

**CATEGORY F:
NEW CONCEPTS & FUTURE IDEAS**

SILVER AWARD
ID: F38
GAMIFIED SCENARIOS:
REIMAGINING HOUSEKEEPING TRAINING
THROUGH MICROLEARNING PATHS

AMIRA RAZALI
Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



IToLIC'25
International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival 2025

**CATEGORY B:
TRANSFORMATIVE TEACHING & LEARNING**

SILVER AWARD
ID: B48
STREAMING CULTURE, SERVING HERITAGE:
A DIGITAL EXHIBITION MODEL FOR
EXPERIENTIAL LEARNING IN FOOD
CULTURE AND HERITAGE EDUCATION

NUR FARIHIN BINTI ABD HADI KHAN
Universiti Malaysia Kelantan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

SETINGGI - TINGGI TAHNIAH

Tahniah

KEPADA SELURUH GRADUAN
FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN & KESEJAHTERAAN
SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN KALI KE-15

Daripada
Dekan, Pengurusan dan seluruh warga
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan

KEUSAHAWANAN TERAS KAMI • ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST



Sekalung tahniah

CABARAN MEMASAK BERSAMA-SAMA ADABI SEMPERA KARNIVAL LESTARI BAHASA 2025

NAIB JOHAN
MUHAMMAD NUR AIMAN HAKIM &
NORSHAHIRA

Daripada
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan
Universiti Malaysia Kelantan

Tahniah

wakil mahasiswa/siswi
Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK)
atas kejayaan ke

Trailblazer Cup 2025
BOOTCAMP & FINAL PITCH
"HOME GROWN ENTERPRISE CHALLENGE TROPHY"

	Muhamad Harris Aliman Bin Farid Rizduan (SAH) ABE POTATO (Mentor: En. Mohd Firdaus Bin Mohd Nasir)
	Muhamad Amar Farhan Bin Azizul Rahim (SAP) MRKS STORE (Mentor: Dr. Norizan Binti Musa)
	Ain Nurasyikin Fatwa Binti Ahmad Tarmizi (SAH) AIZZ (Mentor: En. Abdullah Bin Muhamed Yusoff)
	Nur Ain Emelin Binti Ezaidin (SAP) MLEENXCOOKIES (Mentor: Dr. Norsyamina Binti Che Abdul Rahimi)

daripada
Dekan, AHI Pengurusan & Seluruh Warga Fakulti Hospitaliti,
Pelancongan dan Kesejahteraan

LENSA FHPK

Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan



FAKULTI HOSPITALITI,
PELANCONGAN DAN
KESEJAHTERAAN

FHPK

#MYFHPK
#FHPKFAMILY
#NOTHINGISIMPOSSIBLE
#UMK4U
#1HATI,1JIWA

 fhpk@umk.edu.my

 +609-7717157

UMK KAMPUS KOTA
PENGKALAN CHEPA,
16100 KOTA BHARU KELANTAN



FHPK

www.fhpk.umk.edu.my